

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

ATURAN URUSAN MESYUARAT

NASKHAH SAHIH/BAHASA MALAYSIA

<http://www.parlimen.gov.my>

HARI SELASA, 9 JULAI 2024, PUKUL 10.00 PAGI

Bil. 5

---

**WAKTU PERTANYAAN-PERTANYAAN MENTERI**

1. PR-1532-MQT2760

**Tuan Lee Chuan How [ Ipoh Timor ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan :

- (a) dasar dan hala tuju Malaysia susulan hasrat untuk menyertai BRICS; dan
- (b) bagaimana penyertaan ini akan membantu perkembangan ekonomi negara khususnya dalam meningkatkan potensi eksport tempatan ke negara BRICS.

2. PR-1532-MQT2754

**Datuk Haji Awang bin Hashim [ Pendang ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan :

- (a) apakah fokus Kerajaan dalam usaha pencegahan rasuah, meningkatkan tatakelola dan integriti pentadbiran perkhidmatan awam serta syarikat berkaitan Kerajaan selaras dengan Strategi Pembanterasan Rasuah Nasional (NACS) 2024-2028; dan
- (b) pelaksanaan reformasi institusi agar SPRM dapat berfungsi secara adil, telus dan bebas daripada campur tangan pihak eksekutif.

**MALAYSIA**  
**DEWAN RAKYAT**  
**ATURAN URUSAN MESYUARAT**

**NASKHAH SAHIH/BAHASA MALAYSIA**

**<http://www.parlimen.gov.my>**

**HARI SELASA, 9 JULAI 2024, PUKUL 10.00 PAGI**

**Bil. 28**

---

**WAKTU PERTANYAAN-PERTANYAAN MENTERI**

---

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN**

1. PR-1532-L25002  
**Tuan Azli bin Yusof [ Shah Alam ]** minta **MENTERI PERALIHAN TENAGA DAN TRANSFORMASI AIR** menyatakan perkembangan terkini bagi program Solar for Rakyat Incentive Scheme (SolaRIS):
  - (a) bagaimana pelaksanaan program ini bakal membantu Kerajaan dalam mencapai sasaran penjanaan tenaga boleh baharu (TBB); dan
  - (b) bagaiman ia boleh membantu rakyat menjimatkan penggunaan tenaga seterusnya mengurangkan beban kos sara hidup.
2. PR-1532-L25716  
**Datuk Dr. Haji Ahmad Marzuk bin Shaary [ Pengkalan Chepa ]** minta **MENTERI PERALIHAN TENAGA DAN TRANSFORMASI AIR** menyatakan peruntukan yang diberikan kepada Jabatan Pengaliran Saliran (JPS) setiap negeri bagi mengatasi masalah ketiadaan saliran dan longkang yang terancang untuk mengelakkan banjir kilat apabila berlaku hujan yang berpanjangan.

## 3. PR-1532-L24905

**Dato' Sri Richard Riot anak Jaem [ Serian ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah langkah-langkah untuk memperketatkan keselamatan di balai-balai polis di Malaysia, ekoran daripada insiden di Balai Polis Ulu Tiram baru-baru ini.

## 4. PR-1532-L25836

**Tuan Haji Bakri bin Jamaluddin [ Tangga Batu ]** minta **MENTERI PERLADANGAN DAN KOMODITI** menyatakan sejauh manakah kemajuan yang telah dicapai oleh industri buluh negara sesuai dengan Pelan Tindakan Pembangunan Industri Buluh Malaysia 2021 - 2030.

## 5. PR-1532-L25540

**Tuan Chong Chieng Jen [ Stampin ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan adakah Kerajaan berhasrat untuk meminda undang-undang supaya pihak bank dipertanggungjawabkan untuk menanggung kerugian (sebahagian/kesemuanya) mangsa-mangsa bank *scam* yang kerap kali berlaku.

## 6. PR-1532-L24710

**Dato' Dr. Haji Alias bin Razak [ Kuala Nerus ]** minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN KELESTARIAN ALAM** menyatakan :

- (a) jumlah insentif kewangan bagi konservasi, biodiversiti dan hutan melalui Dasar Ecological Fiscal Transfer (EFT) yang diaghikan mengikut negeri di Malaysia dari tahun 2013 hingga 2023; dan
- (b) perancangan Kementerian untuk mewujudkan lebih banyak inisiatif sokongan kepada Kerajaan Negeri bagi meningkatkan usaha-usaha pemeliharaan dan pemuliharaan hutan.

## 7. PR-1532-L25388

**Puan Rodiyah binti Sapiee [ Batang Sadong ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan :

- (a) apakah hala tuju Tingkatan Enam termasuk kekuatan subjek, fasiliti dan infrastruktur memandangkan mereka bukan dalam lingkungan sekolah lagi; dan
- (b) adakah Kementerian merancang untuk mentransformasikan pembelajaran Tingkatan 6 dalam masa terdekat.

8. PR-1532-L24550

**Tuan Sabri bin Azit [ Jerai ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan status terkini pelaksanaan Pelan Strategik Kebolehpasaran Graduan 2021-2025.

9. PR-1532-L25057

**Dato' Sri Dr. Wee Jeck Seng [ Tanjung Piai ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan pandangan Kementerian mengenai laporan Bank Dunia yang mendapati pelajar Malaysia menghabiskan purata 12.5 tahun di sekolah tetapi pembelajaran hanya bersamaan dengan 8.9 tahun dan apakah kesediaan Kementerian untuk menilai semula tahap kualiti serta tempoh sistem pendidikan di Malaysia.

10. PR-1532-L25215

**Tuan Zahari bin Kechik [ Jeli ]** minta **MENTERI PERPADUAN NEGARA** menyatakan berapa jumlah Kawasan Rukun Tetangga (KRT) yang wujud di seluruh negara dan berapa jumlah peruntukan yang disalurkan untuk Kawasan Rukun Tetangga (KRT) menjalankan aktivitinya.

11. PR-1532-L25068

**Datuk Larry Soon @ Larry Sng Wei Shien [ Julau ]** minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN KELESTARIAN ALAM** menyatakan apakah yang dijangka akan dibuat oleh Kementerian berkenaan dengan kajian hasil nadir bumi (*Rare Earth Elements-REE*) yang telah dilombong keluar tetapi tidak dibenarkan untuk dieskport ke luar negara.

12. PR-1532-L24408

**Dr. Haji Abd Ghani bin Ahmad [ Jerlun ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan status pembayaran Akaun Fleksibel (Akaun 3) Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) mulai 11 Mei 2024 kepada pencarum dan adakah kewujudan Akaun Fleksibel memenuhi kehendak pencarum agar pengeluaran KWSP dilakukan secara bersasar.

13. PR-1532-L25280

**Dr. Mohammed Taufiq bin Johari [ Sungai Petani ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan langkah-langkah yang diambil dalam menyalurkan dana daripada pihak Kementerian kepada badan-badan pelajar selaras dengan pindaan terbaru Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971.

## 14. PR-1532-L25137

**Dato' Sri Saifuddin Abdullah [ Indera Mahkota ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan sejauh manakah Kementerian telah mengenal pasti cabaran dan masalah yang dihadapi oleh murid tanpa dokumen kewarganegaraan untuk meneruskan persekolahan mereka serta strategi khusus Kementerian bagi membantu mereka supaya tiada murid yang tercicir.

## 15. PR-1532-L25625

**Tuan Roy Angau anak Gingkoi [ Lubok Antu ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah rancangan Kementerian untuk meningkatkan keanggotaan dan keberadaan pihak berkuasa seperti Jabatan Imigresen Malaysia dan Polis Diraja Malaysia untuk ditempatkan di kawasan sempadan Malaysia-Kalimantan termasuk di Parlimen Lubok Antu bagi membendung pelbagai aktiviti jenayah rentas sempadan.

## 16. PR-1532-L25271

**Tuan Hassan bin Saad [ Baling ]** minta **MENTERI PERLADANGAN DAN KOMODITI** menyatakan perancangan untuk meningkatkan kadar produktiviti industri getah termasuk sektor pembuatan bagi memberikan pendapatan lebih tinggi kepada penoreh getah dan pemain industri.

## 17. PR-1532-L25567

**Tuan Tan Kok Wai [ Cheras ]** minta **MENTERI PERPADUAN NEGARA** menyatakan apakah program peringatan yang akan dijalankan bersempena dengan 79 tahun berakhirnya perang dunia kedua pada tahun 2026, dan jumlah peruntukan untuk program tersebut.

## 18. PR-1532-L25176

**Puan Hajah Salamiah binti Mohd Nor [ Temerloh ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan :

- (a) apakah Kementerian akan mengambil tindakan tegas kepada kumpulan pelajar yang membantah kod etika pemakaian Universiti Malaya (UM) atas dakwaan bersifat konservatif, kononnya mahu UM kekal liberal; dan
- (b) apakah usaha untuk meningkatkan kefahaman mahasiswa tentang prinsip rukun negara kelima, iaitu Kesopanan dan Kesusilaan.

19. PR-1532-L24953

**Datuk Andi Muhammad Suryady bin Bandy [ Kalabakan ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan :

- (a) jumlah permohonan kewarganegaraan yang telah diluluskan di bawah Perkara 14 (Kelahiran Dalam Negara) bagi negeri Sabah; dan
- (b) langkah tuntas yang diambil dalam menyelesaikan lambakan permohonan Daftar Lewat Kad Pengenalan di Sabah yang membawa kepada punca keciciran pendidikan tinggi dan pekerjaan dalam kalangan belia.

20. PR-1532-L24893

**Datuk Wan Saifulruddin bin Wan Jan [ Tasek Gelugor ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan jumlah kutipan cukai cecair vape, langkah untuk meningkatkan kutipan, dan mekanisme penyaluran semula kutipan tersebut untuk kegunaan penjagaan kesihatan rakyat.

21. PR-1532-L24841

**Tuan Zahir bin Hassan [ Wangsa Maju ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan rancangan Kementerian untuk menilai semula prosedur perolehan perbelanjaan mengurus Kerajaan termasuk dan tidak terhad kepada kaedah pembelian tiket kapal terbang melalui agen untuk mengurangkan beban kos berlipat kali ganda berbanding kos sebenar.

22. PR-1532-L25136

**Dato' Sri Saifuddin Abdullah [ Indera Mahkota ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan strategi jangka pendek, sederhana dan panjang Kementerian dalam menangani masalah kekurangan guru termasuk pengambilan khas guru baharu melalui Program Ijazah Sarjana Muda Perguruan/Diploma Pascasiswazah Pendidikan. Apakah penyelesaian pihak Kementerian berhubung isu penempatan guru khususnya melibatkan masalah infrastruktur atau kemudahan yang daif.

23. PR-1532-L25284

**Tuan Manndzri bin Nasib [ Tenggara ]** minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN KELESTARIAN ALAM** menyatakan adakah terdapat sebarang Prosedur Operasi Standart (SOP) yang dikeluarkan oleh Kementerian melalui Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (PERHILITAN) sekiranya berlaku sebarang kecemasan berkaitan dengan ancaman haiwan liar seperti gajah yang berkeliaran dan melibatkan keselamatan orang awam berlaku.

24. PR-1532-L24478

**Tuan Haji Muhammad Islahuddin bin Abas [ Mersing ]** minta **MENTERI PERALIHAN TENAGA DAN TRANSFORMASI AIR** menyatakan :

- (a) status pembangunan dan perancangan masa depan bagi program wakaf tenaga lestari di Malaysia; dan
- (b) cabaran yang dihadapi untuk memperkasa wakaf Tenaga Boleh Baharu (TBB) dan sejauh mana usaha tersebut telah dapat dilaksanakan.

25. PR-1532-L(5)00242

**Dato' Seri Dr. Wan Azizah Dr. Wan Ismail [ Bandar Tun Razak ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah tindakan yang lebih holistik berkenaan pengesanan calon tercicir dengan memberi peluang kepada mereka untuk mendaftar bagi menduduki Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) secara ulangan.

[ Pertanyaan di bawah PM 22(5) ]

26. PR-1532-L24537

**Datuk Muslimin bin Yahaya [ Sungai Besar ]** minta **MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI** menyatakan apakah perkembangan terkini penglibatan koperasi-koperasi berkaitan dengan sektor agromakanan dan pertanian melalui federasi yang dibentuk dalam usaha membantu keterjaminan bekalan makanan negara.

27. PR-1532-L(5)00250

**Puan Yeo Bee Yin [ Puchong ]** minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN KELESTARIAN ALAM** menyatakan berapa panjang tempoh perbicaraan sehingga keputusan mahkamah dibuat bagi kesalahan-kesalahan yang melibatkan Akta Kualiti Alam Sekeliling. Apakah langkah-langkah Kementerian untuk menyingkatkan tempoh perbicaraan. Apakah pendirian Kementerian terhadap kewujudan *environmental court*.

[ Pertanyaan di bawah PM 22(5) ]

28. PR-1532-L25116

**Tuan Ahmad Fadhli bin Shaari [ Pasir Mas ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan jumlah hasil penjimatan yang dijangka akan diterima oleh Kerajaan selepas merasionalisasikan subsidi bahan api dan pelaksanaan subsidi bahan api bersasar.

29. PR-1532-L25049  
**Datuk Seri Utama Ir. Hasni bin Mohammad [ Simpang Renggam ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan adakah Malaysia Artificial Intelligence Nexus 2024 (MY AI NEXUS) termasuk dalam keperluan bagi penyediaan teknologi kecerdasan buatan (AI) untuk melengkapkan penilaian risiko sebelum menjadikan teknologi itu tersedia untuk khalayak umum.
30. PR-1532-L25451  
**Datuk Haji Idris bin Haji Ahmad [ Bagan Serai ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan statistik sekolah jenis kebangsaan yang mengalami masalah kekurangan murid bagi bangsa yang menjadi teras penubuhan sekolah tersebut di seluruh Malaysia dan perancangan jangka masa pendek dan sederhana Kementerian terhadap isu ini.
31. PR-1532-L25290  
**Tuan Haji Yusuf bin Abd. Wahab [ Tanjong Manis ]** minta **MENTERI PERALIHAN TENAGA DAN TRANSFORMASI AIR** menyatakan apakah status terkini berkenaan projek mengawal hakisan pantai di Kampung Paloh Lama. Pembinaan masih belum dijalankan walaupun peruntukan sudah diluluskan dan kerja-kerja penyiasatan tapak dan rekabentuk terperinci sudah disiapkan.
32. PR-1532-L24973  
**Kapten Dato' Dr. Zulkafperi bin Hanapi (Bersara) [ Tanjong Karang ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan pelan jangka panjang bagi menangani isu pelajar lepasan SPM yang cenderung tidak menyambung pelajaran ke peringkat universiti berikutnya *trending* semasa yang memilih menjadi *influencer* sepenuh masa sebagai kerjaya pilihan berikutnya ianya tidak memerlukan apa-apa sijil kelayakan.
33. PR-1532-L25016  
**Tuan Fong Kui Lun [ Bukit Bintang ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan jumlah pendatang asing yang masih berada dalam Bandaraya Kuala Lumpur dan kegiatan mereka yang mana jika ketiadaan mereka menyebabkan kegiatan ekonomi menjadi lumpuh.
34. PR-1532-L25012  
**Dato' Azman bin Nasrudin [ Padang Serai ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah rasionalnya penjualan saham MAHB sebanyak 20-30% kepada Konsortium Black Rock dalam keadaan umum dunia mengetahui bahawa konsortium ini adalah pro kepada Israel dan membekalkan senjata untuk aktiviti *genocide* di Gaza.

35. PR-1532-L25360

**Tuan Chow Yu Hui [ Raub ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan :

- (a) statistik bilangan dan peratusan pelajar yang belajar di SJKC dan SJKT mengikut pecahan kaum berdasarkan tahunan dari tahun 2004 hingga 2024; dan
- (b) statistik bilangan dan peratusan pelajar yang belajar di SK, SJK, SJKC, SJKT dan sekolah antarabangsa mengikut pecahan tahun dan kaum dari 2004 hingga 2024.

36. PR-1532-L25216

**Tuan Haji Wan Hassan bin Mohd Ramli [ Dungun ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan status kajian perolehan Sistem Pengawasan Laut (SWASLA) Pantai Timur Semenanjung Malaysia yang diluluskan di bawah Rolling Plan Keempat Rancangan Malaysia ke-12 Tahun 2024.

37. PR-1532-L24852

**Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob [ Bera ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan penjelasan mengenai status penjualan saham Malaysia Airport Holding Bhd (MAHB) kepada konsortium yang turut melibatkan syarikat berkaitan Israel, Blackrock dan jika benar dijual, berapa jumlah syer saham mengikut pecahan pegangan dan nilai penjualan.

38. PR-1532-L25714

**Tuan Fathul Huzir bin Ayob [ Gerik ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan status terkini pembinaan Kompleks ICQS Bukit Berapit dan apakah perancangan keseluruhan serta garis masa bagi memulakan proses pembinaan kompleks tersebut memandangkan kenaikan kadar trafik pelancong keluar dan masuk Ke Thailand semakin meningkat.

39. PR-1532-L(5)00248

**Puan Yeo Bee Yin [ Puchong ]** minta **MENTERI PERALIHAN TENAGA DAN TRANSFORMASI AIR** menyatakan apakah perkembangan pengeksportan tenaga boleh baharu (TBB):

- (a) adakah Kementerian akan mengkaji mekanisme lain seperti *third-party-access* (TPA) atau *tripartite contract* (TPC) selain daripada Enegem untuk memudahkan eksport TBB; dan
- (b) adakah Kementerian terbuka dengan cadangan pembinaan *undersea cable* oleh pihak swasta selain TNB.

[ Pertanyaan di bawah PM 22(5) ]

40. PR-1532-L25612

**Dato' Rosol bin Wahid [ Hulu Terengganu ]** minta **MENTERI PERALIHAN TENAGA DAN TRANSFORMASI AIR** menyatakan jumlah pendapatan diperoleh Tenaga Nasional Berhad (TNB) daripada Stesen Janaelektrik Sultan Mahmud (SJSM) Kenyir di Hulu Terengganu sejak ia mula beroperasi sehingga 2023. Apakah keistimewaan atau sumbangan tanggungjawab sosial korporat yang telah diberikan oleh TNB kepada penduduk Hulu Terengganu selepas TNB menjana keuntungan daripada SJSM.

41. PR-1532-L25031

**Puan Wong Shu Qi [ Kluang ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan langkah-langkah yang akan diambil untuk mengatasi kadar kegagalan tinggi dalam mata pelajaran Matematik dan Matematik Tambahan di peringkat SPM.

42. PR-1532-L25542

**Dato' Syed Abu Hussin bin Hafiz Syed Abdul Fasal [ Bukit Gantang ]** minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN KELESTARIAN ALAM** menyatakan apakah inisiatif bagi menangani gangguan kera liar dan anjing liar di kawasan kediaman taman-taman perumahan bandar dan kampung di Kuala Sepetang dan Trong.

43. PR-1532-L25358

**Tuan Cha Kee Chin [ Rasah ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan secara terperinci status pemberian baucar buku kepada murid Sekolah Rendah (Tahun 4 ke atas) dan Sekolah Menengah. Berapa syarikat buku yang terbabit dalam pembekalan buku, senaraikan nama syarikat terbabit dan kaedah pemilihan syarikat pembekal ini.

44. PR-1532-L25211

**Tuan Zahari bin Kechik [ Jeli ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah peranan khusus RELA di dalam membantu keselamatan dan ketenteraman awam dan sejauh manakah keberkesanannya setakat ini.

45. PR-1532-L24794

**Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [ Ayer Hitam ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan status terkini cukai barang bernilai tinggi (HVGT) akan dilaksanakan dan apakah penambahbaikan butiran yang sedang diperincikan oleh Kerajaan berbanding yang diumumkan sebelum ini.

46. PR-1532-L25780

**Tuan Muhammad Ismi bin Mat Taib [ Parit ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan sama ada wujud lambakan pelancong-pelancong dari luar yang memilih untuk terus tinggal di Malaysia selepas tamat tempoh visa mereka serta nyatakan statistik terkini.

47. PR-1532-L25470

**Tuan Mohamad Shafizan Haji Kepli [ Batang Luper ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan status terkini projek gantian baharu SMK Sebuyau dan menyenaraikan perincian bangunan sekolah-sekolah daif lain yang telah, sedang dan akan dinaik taraf di Parlimen Batang Luper.

48. PR-1532-L25728

**Tuan Jamaludin bin Yahya [ Pasir Salak ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan :

- (a) apakah perancangan terkini Kementerian berhubung pembangunan Kurikulum Persekolahan 2027 mengambil kira kesinambungan Pelan Pembangunan Pendidikan 2013-2025 agar tidak menjelaskan kurikulum persekolahan yang sedia ada ; dan
- (b) sejauh manakah keberhasilan penerapan konsep 'karamah insaniah' secara menyeluruh khususnya dalam kalangan murid, guru dan ibu bapa.

49. PR-1532-L24426

**Tuan Haji Aminolhuda bin Hassan [ Sri Gading ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan perancangan pihak Kementerian dalam usaha mengurangkan beban kerja guru supaya dapat ditumpukan lebih untuk proses P&P di dalam kelas berbanding urusan lain.

50. PR-1532-L25448

**Puan Young Syefura binti Othman [ Bentong ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah strategi Kementerian dalam menyediakan akses pendidikan yang lestari kepada pelajar yang bersekolah di kawasan pesisir pantai.

51. PR-1532-L25817

**Tuan Mohd Sany bin Hamzan [ Hulu Langat ]** minta **MENTERI PERPADUAN NEGARA** menyatakan apakah program dan usaha yang disusun untuk melibatkan anak muda dalam dialog antara agama bagi menjadi pemangkin perpaduan antara agama negara ini.

52. PR-1532-L25786

**Tuan Wan Ahmad Fayhsal bin Wan Ahmad Kamal [ Machang ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan :

- (a) rasional dan justifikasi arahan pengecualian syarat kemasukan di semua pintu masuk negara bagi warganegara dari Republik China dan India di bawah Pelan Liberalisasi Visa oleh Jabatan Imigresen Malaysia awal Mei 2024; dan
- (b) memandangkan terdapat lebih 1.2 juta pelancong dari China yang tidak keluar dari negara pada 2022 dan kesan terhadap jaminan keselamatan dan keharmonian sosial masyarakat Malaysia.

53. PR-1532-L24744

**Dato' Seri Hishammuddin bin Tun Hussein [ Sembrong ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan :

- (a) cabaran yang dihadapi oleh institusi pengajian tinggi; dan
- (b) peluang yang boleh diambil oleh Kementerian dengan kemunculan kursus latihan dalam talian yang disediakan oleh universiti luar negara dan pemain industri global bagi menarik bakat secara langsung untuk berkhidmat di syarikat mereka.

54. PR-1532-L24410

**Dr. Haji Abd Ghani bin Ahmad [ Jerlun ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan tindakan Kerajaan untuk membendung aktiviti keganasan yang semakin berleluasa mutakhir ini yang boleh mengancam nyawa dan menggugat ketenteraman awam serta apakah langkah segera untuk menamatkan aktiviti keganasan tersebut.

55. PR-1532-L24845

**Tuan Zahir bin Hassan [ Wangsa Maju ]** minta **MENTERI PERALIHAN TENAGA DAN TRANSFORMASI AIR** menyatakan langkah Kementerian:

- (a) meningkatkan literasi tenaga dalam kalangan masyarakat; dan
- (b) mempercepatkan agenda peralihan tenaga pasca-pengenalan Pelan Hala Tuju Peralihan Tenaga Negara (NETR).

56. PR-1532-L24979

**Dato' Haji Ahmad bin Saad @ Yahaya [ Pokok Sena ]** minta **MENTERI PERALIHAN TENAGA DAN TRANSFORMASI AIR** menyatakan langkah pembersihan sungai di kawasan sekitar Parlimen Pokok Sena yang menyebabkan saliran tersumbat serta kejadian bencana banjir di sesetengah tempat.

57. PR-1532-L25653

**Tuan Jimmy Puah Wee Tse [ Tebrau ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan apakah usaha dan tindakan Kementerian untuk pastikan para mahasiswa atau pelajar menguasai ilmu teknologi AI dan lain-lain teknologi semasa bagi menampung keperluan industri.

58. PR-1532-L25004

**Dato' Azman bin Nasrudin [ Padang Serai ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan kesan jangka masa panjang atas penarikan subsidi diesel bersasar kepada golongan maha kaya. Seperti sedia maklum, diesel banyak digunakan kenderaan besar seperti lori, hilux dan sebagainya yang mungkin memberi kesan kepada kenaikan harga transportasi.

59. PR-1532-L24924

**Dato' Sri Richard Riot anak Jaem [ Serian ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan usaha untuk mengembalikan kestabilan ekonomi negara yang ketika ini terus menekan rakyat.

60. PR-1532-L24998

**Datuk Seri Panglima Madius Tangau [ Tuaran ]** minta **MENTERI PERALIHAN TENAGA DAN TRANSFORMASI AIR** menyatakan usaha-usaha Kementerian ke arah memastikan Sabah Electricity Sdn Bhd. (SESB) tidak lagi bergantung kepada sokongan tarif subsidi daripada Kerajaan Persekutuan dan *reserve margin* mencapai lebih 30% menjelang tahun 2030.

61. PR-1532-L25105

**Dato' Seri Dr. Ahmad Samsuri Bin Mokhtar [ Kemaman ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan usaha tuntas yang dibuat oleh pihak Kementerian dalam mengurangkan bebanan tugas yang ditanggung oleh pensyarah terutamanya melibatkan perkara di luar keutamaan tugas mereka iaitu pengajaran dan penyelidikan.

62. PR-1532-L25055

**Dato' Sri Dr. Wee Jeck Seng [ Tanjung Piai ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan sejauh manakah penilaian rapi telah dibuat oleh pihak Polis Di Raja Malaysia (PDRM) berhubung ketidakcukupan aset PDRM khususnya di balai-balai polis dan bilakah anggaran PDRM dapat menerima gantian aset-aset baharu yang diperlukan.

63. PR-1532-L25773

**Tuan Muhammad Ismi bin Mat Taib [ Parit ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan sama ada Kementerian mengusahakan agar kebolehan berbahasa Melayu secara fasih dijadikan sebagai salah satu syarat utama untuk memperoleh kewarganegaraan negara kita.

64. PR-1532-L25949

**Puan Teresa Kok Suh Sim [ Seputeh ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apa langkah yang akan diambil oleh Kementerian untuk meningkatkan penguasaan matematik memandangkan 85,706 pelajar gagal dalam matematik dalam SPM 2023. Mengapa Kementerian memaksa satu kelas bukan DLP bagi Sains dan Matematik di SMJK dan SM.

65. PR-1532-L25761

**Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [ Kubang Pasu ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan dari jumlah 383,685 pelajar yang menduduki peperiksaan SPM bagi tahun 2023 berapa jumlah pelajar yang mengambil aliran STEM A (Matematik tambahan, Fizik, Kimia dan Biologi) dan aliran STEM B (Matematik tambahan, Fizik, Kimia dan satu mata pelajaran elektif sains gunaan dan teknologi).

66. PR-1532-L25184

**Datuk Wira Hajah Mas Ermieyati binti Haji Samsudin [ Masjid Tanah ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah inisiatif pembaharuan Kerajaan dalam menangani isu kesesakan penjara dengan jumlah banduan melebihi 5.6 peratus daripada kapasiti sebenar di mana 60 penjara di seluruh negara kini dihuni kira-kira 75,000 banduan berbanding kapasiti sebenar iaitu 71,000 banduan.

67. PR-1532-L25339

**Tuan Haji Ahmad Johnie bin Zawawi [ Igan ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan berapakah jumlah permohonan pasangan guru jarak jauh di Sarawak yang telah memohon pertukaran ke tempat lain atas alasan berjauhan dengan isteri atau suami masing-masing. Apakah tindakan dan perancangan Kementerian untuk menangani isu guru "duka lara" ini. Nyatakan jumlah permohonan pertukaran sejak tahun 2017 hingga kini.

68. PR-1532-L25038

**Dato' Haji Mohd Suhaimi bin Abdullah [ Langkawi ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah perancangan Kerajaan berkaitan nilai Ringgit Malaysia memandangkan nilai Ringgit berada di tahap paling rendah berbanding Dolar Singapura dalam pasaran tukaran wang.

69. PR-1532-L24774

**Tuan Lo Su Fui [ Tawau ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan mengapakah peningkatan geran pemberian khas kepada Sabah pada kadar RM53.4 juta, sebagaimana dibentangkan dalam Belanjawan Persekutuan 2020 pada 11 Oktober 2019 dan telah disahkan dalam pembentangan Belanjawan Negeri Sabah pada 16 November 2019, tidak disertai dengan pengeluaran warta/perintah undang-undang sebagaimana yang disyaratkan dalam Perkara 112D(5) Perlembagaan Persekutuan.

70. PR-1532-L25098

**Dato' Dr. Ahmad Yunus bin Hairi [ Kuala Langat ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah rasionalnya pelaksanaan subsidi diesel bersasar hanya di Semenanjung dengan tidak melibatkan Sabah dan Sarawak.

71. PR-1532-L25329

**Puan Isnaraissah Munirah Majilis [ Kota Belud ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan daripada tahun 2021 hingga tahun 2023:

- (a) berapa jumlah duti setem yang dikutip di Sabah; dan
- (b) berapa jumlah kutipan cukai pelancongan yang dikutip dan jumlah yang dipulangkan semula kepada Sabah.

72. PR-1532-L25763

**Dato' Indera Dr. Suhaili bin Abdul Rahman [ Labuan ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan :

- (a) berapa jumlah terkini pemegang-pemegang dokumen IMM 13 di negeri Sabah dan Wilayah Persekutuan Labuan ; dan
- (b) bilakah penghantaran balik ke negara asal untuk mereka-mereka yang memiliki dokumen IMM 13 dan berstatus PATI dapat dimuktamadkan secara holistik.

73. PR-1532-L25758

**Tuan Syed Saddiq bin Syed Abdul Rahman [ Muar ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan jumlah pelajar yang tercicir dan tidak menduduki peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) di Parlimen Muar dan apakah tindakan susulan Kementerian bagi menangani isu ini.

74. PR-1532-L25673

**Tuan Zakri bin Hassan [ Kangar ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah langkah intervensi Kementerian dalam mengatasi kes salah buli di semua institusi pendidikan termasuk penambahbaikan terhadap saluran portal aduan buli yang sedia ada serta Pegawai Perhubungan Sekolah (PPS) di setiap sekolah agar setiap aduan kes buli di sekolah dapat ditangani secara lebih berkesan.

75. PR-1532-L25071

**Datuk Larry Soon @ Larry Sng Wei Shien [ Julau ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan untuk memastikan keselamatan maritim Malaysia terjamin, terutamanya di perairan yang mempunyai tuntutan yang bertindih dengan negara lain.

76. PR-1532-L25672

**Tuan Zakri bin Hassan [ Kangar ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan adakah pihak Kementerian telah mengenal pasti kadar kecinciran murid terutama dalam kalangan pelajar miskin bandar, luar bandar dan pinggir bandar, kanak-kanak Orang Asli dan tidak berdokumen, serta apakah strategi dan usaha pembaharuan Kementerian dalam usaha mengurangkan jurang pendidikan termasuk dari segi kaedah pembelajaran dan pengajaran.

77. PR-1532-L24445

**Puan Syerleena binti Abdul Rashid [ Bukit Bendera ]** minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN KELESTARIAN ALAM** menyatakan statistik terkini Tanah Rizab Melayu setiap negeri bagi tahun 2023.

78. PR-1532-L25454

**Datuk Haji Idris bin Haji Ahmad [ Bagan Serai ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan :

- (a) faktor yang menyebabkan vendor yang menguruskan sistem MBike sejak tahun 2016 di Johor diberhentikan; dan
- (b) usaha pihak Kementerian terhadap isu keselamatan yang berisiko tinggi berlaku di laluan pintu masuk motosikal Johor-Singapura memandangkan masih tiada sistem yang setara dapat menggantikan MBike.

79. PR-1532-L25117

**Tuan Ahmad Fadhli bin Shaari [ Pasir Mas ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan langkah Kerajaan untuk memastikan nilai mata wang Ringgit terus stabil sekaligus memastikan pelaburan asing keluar dan masuk dalam pasaran ekuiti Malaysia sentiasa konsisten.

80. PR-1532-L25097

**Datuk Suhaimi bin Nasir [ Libaran ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan berapa jumlah sekolah dalam Parlimen Libaran yang telah menerima bekalan Smart TV dan peralatan ICT untuk meningkatkan kualiti pengajaran dan pembelajaran (PdP) dalam memastikan sistem pendidikan terus diperkasakan sejajar dengan keperluan masa depan negara.

81. PR-1532-L24425

**Tuan Haji Aminolhuda bin Hassan [ Sri Gading ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah tindakan dan perancangan Kementerian untuk memperbaiki pencapaian murid dalam STEM yang dilihat jauh lebih rendah berbanding negara jiran seperti Vietnam dan Singapura.

82. PR-1532-L25599

**Komander Nordin bin Ahmad Ismail TLDM (Bersara) [ Lumut ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan penjelasan mengenai status projek 2 buah Kapal Peronda Luar Pesisir (OPV) bagi Agensi Pengawalkuasa Maritim Malaysia (APMM) yang dimaklumkan akan disiapkan tahun ini dan adakah ia akan dapat direalisasikan sebelum akhir tahun ini.

83. PR-1532-L25028

**Puan Wong Shu Qi [ Kluang ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan langkah yang diambil bagi mengatasi isu-isu yang dilaporkan dalam laporan Bank Dunia bertajuk "*Bending Bamboo Shoots: Strengthening Foundational Skills*" yang memberi gambaran membimbangkan tentang sistem pendidikan awal di Malaysia.

84. PR-1532-L24879

**Datuk Seri Takiyuddin bin Hassan [ Kota Bharu ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan :

- (a) apakah wujud perincian garis panduan yang digunakan oleh Kerajaan bagi menentukan sesuatu perkara itu tergolong dalam kesalahan 3 R; dan
- (b) status hasil siasatan kes 3 R yang melibatkan pemimpin parti dalam Kerajaan.

85. PR-1532-L25194

**Tuan Chiew Choon Man [ Miri ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan sama ada pihak Kementerian dapat meluluskan dan mengangkat projek menaik taraf ICQS Sungai Tujuh untuk menyelesaikan masalah kesesakan secara jangka panjang.

86. PR-1532-L(5)00253

**Datuk Seri Panglima Dr. Jeffrey Gapari Kitingan [ Keningau ]** minta **MENTERI PERPADUAN NEGARA** menyatakan isu extremisme rasis dan ketaksuban kaum semakin berleluasa dan serius sehingga keganasan seperti terorisme, yang bercanggah dengan asas Sabah Sarawak bersetuju bergabung membentuk Persekutuan Malaysia, adakah Kerajaan akan membiarkan ianya berterusan sehingga menggugat dan memusnahkan asas tersebut.

[ Pertanyaan di bawah PM 22(5) ]

87. PR-1532-L25731

**Tuan Jamaludin bin Yahya [ Pasir Salak ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah usaha proaktif yang diambil Kementerian dalam menangani prospek kekurangan tenaga kerja profesional seperti doktor dan saintis memandangkan semakin ramai pelajar sekolah menengah yang tidak lagi cenderung mengikuti pelajaran dalam jurusan Sains Tulen.

88. PR-1532-L24859

**Tuan Chow Kon Yeow [ Batu Kawan ]** minta **MENTERI PERALIHAN TENAGA DAN TRANSFORMASI AIR** menyatakan perkembangan terkini Projek Air Perak - Pulau Pinang. Adakah perjanjian projek berkaitan dapat dimeterai dan dapat dilaksanakan pada tahun ini juga.

89. PR-1532-L24676

**Dato' Sri Tuan Ibharim bin Tuan Man [ Kubang Kerian ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan peranan Kerajaan dalam memastikan bahawa penstrukturkan semula akaun KWSP, termasuk pengenalan Akaun 3 benar-benar membantu ahli dalam mengimbangi keperluan kewangan jangka pendek dan persaraan mereka.

90. PR-1532-L25970

**Tuan Sim Tze Tzin [ Bayan Baru ]** minta **MENTERI PERALIHAN TENAGA DAN TRANSFORMASI AIR** menyatakan status dan penyelesaian terkini penaiktarafan Remote Terminal Unit (RTU) dalam Sistem Amaran dan Ramalan Banjir yang tidak dapat berfungsi. Nyatakan sama ada projek berbilion-bilion ini berkesan dan berbaloi kepada rakyat dan mengapa tidak guna duit ini dalam projek tebatan banjir.

91. PR-1532-L25311

**Datuk Seri Panglima Haji Mohd Shafie bin Haji Apdal [ Semporna ]** minta **MENTERI PERALIHAN TENAGA DAN TRANSFORMASI AIR** menyatakan :

- (a) secara terperinci pelan bayaran ansuran yang telah dipersetujui antara SESB dan Kementerian Kewangan bagi pinjaman mudah Kerajaan Persekutuan oleh SESB yang berjumlah RM2.45 bilion; dan
- (b) adakah Kerajaan Sabah ada memohon hapus kira hutang pinjaman mudah ini kepada Kerajaan Persekutuan.

92. PR-1532-L24964

**Kapten Dato' Dr. Zulkafperi bin Hanapi (Bersara) [ Tanjung Karang ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan adakah Kerajaan mempunyai cadangan atau perancangan bagi menaikkan STR pada masa akan datang bagi mengurangkan beban kos rakyat bagi menghadapi kenaikan harga barang runcit dan kos sara hidup yang semakin meruncing mutakhir ini.

93. PR-1532-L24442

**Puan Syerleena binti Abdul Rashid [ Bukit Bendera ]** minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN KELESTARIAN ALAM** menyatakan apakah usaha Kementerian bagi memastikan pelombongan nadir bumi tidak memberi kesan terhadap kelestarian alam sekitar.

94. PR-1532-L25106

**Dato' Seri Dr. Ahmad Samsuri Bin Mokhtar [ Kemaman ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan usaha pihak Kementerian untuk mewujudkan pemimpin universiti yang berkualiti dan mempunyai wawasan yang jelas dalam membangunkan negara melalui pembangunan bakat berpengetahuan tinggi, profesional, kreatif dan inovatif.

95. PR-1532-L25957

**Tuan Ramkarpal Singh A/L Karpal Singh [ Bukit Gelugor ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan statistik berkenaan penahanan, pertuduhan dan sabitan di bawah Akta Kesalahan Keselamatan Langkah-Langkah Khas 2012 (SOSMA) untuk tempoh 5 tahun yang lalu.

96. PR-1532-L24685

**Dato' Hajah Siti Zailah binti Mohd Yusoff [ Rantau Panjang ]** minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN KELESTARIAN ALAM** menyatakan usaha untuk memajukan industri NR-REE serta cabaran yang dihadapi masa kini.

97. PR-1532-L25737

**Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [ Kubang Pasu ]** minta **MENTERI PERALIHAN TENAGA DAN TRANSFORMASI AIR** menyatakan adakah sasaran Kementerian untuk memperuntukkan anggaran RM637 bilion sehingga 2050 bagi pelaksanaan tenaga boleh diperbaharui dapat dicapai sederap dengan fasa-fasa yang dirancang (31% menjelang 2025, 40% menjelang 2035 dan 70% menjelang 2050).

98. PR-1532-L25088

**Datuk Suhaimi bin Nasir [ Libaran ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan adakah Kerajaan bercadang untuk mewujudkan Pos Keselamatan baharu di Kampung Luboh Batu 12, Kampung Semawang dan Kampung Tanjung Pisau bagi meningkatkan keselamatan penduduk kampung sekaligus mencegah aktiviti penyeludupan dan pencerobohan.

99. PR-1532-L25589

**Tuan Fathul Huzir bin Ayob [ Gerik ]** minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN KELESTARIAN ALAM** menyatakan apakah langkah kontigensi jangka masa pendek dan panjang bagi mengatasi isu gangguan gajah liar di sepanjang Jalan Raya Timur Barat, Jeti Awam Pulau Banding dan perkampungan di kawasan tersebut memandangkan telah berlaku serangan gajah liar kepada manusia.

100. PR-1532-L24866

**Tuan Chow Kon Yeow [ Batu Kawan ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan :

- (a) usaha-usaha yang telah serta bakal dilaksanakan oleh Kementerian dalam merealisasikan fokus bagi melahirkan bakat terbaik negara selaras dengan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015 - 2025 (Pendidikan Tinggi); dan
- (b) perincikan perangkaan kekosongan tenaga kerja di setiap sektor utama dalam negara mengikut pecahan negeri dan tahap akademik/kemahiran yang diperuntukan.

101. PR-1532-L25397

**Tuan Haji Mohd Hasnizan bin Harun [ Hulu Selangor ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan usaha Kementerian untuk mengatasi masalah kekurangan guru mengajar murid terlalu ramai di sekolah-sekolah terutamanya murid berkeperluan pendidikan khas (MBK) di mana jurang nisbah guru dan murid terlalu besar.

102. PR-1532-L24756

**Tuan Lim Guan Eng [ Bagan ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan bilangan pelajar Bumiputera (pecahan Islam dan bukan Islam), pelajar bukan Bumiputera dan pelajar asing untuk program akademik dalam Universiti Teknologi Mara (UiTM) setiap tahun sejak 2017. Nyatakan kos perbelanjaan oleh Kerajaan dan yuran yang dibayar oleh pelajar tempatan dan luar negeri.

103. PR-1532-L24398

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji [ Jelutong ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah langkah-langkah yang telah diambil di semua pintu pemeriksaan imigresen lapangan terbang antarabangsa di negara kita bagi memudah dan melancarkan kemasukan pelancong asing kerana sejak kebelakangan ini terdapat banyak aduan mengenai kejadian kesesakan.

104. PR-1532-L24763

**Tuan Lim Guan Eng [ Bagan ]** minta **MENTERI PERALIHAN TENAGA DAN TRANSFORMASI AIR** menyatakan status permohonan Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang (PBAPP) untuk kelulusan peruntukan menaik taraf Empangan Air Mengkuang dan Loji Rawatan Air Sungai Dua serta Stesen Pam Air.

105. PR-1532-L25956

**Tuan Ramkarpal Singh A/L Karpal Singh [ Bukit Gelugor ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan sama ada Kerajaan bercadang untuk meminda undang-undang kewarganegaraan berkenaan *foundlings* dan sekiranya ya, nyatakan pindaan-pindaan yang dicadangkan tersebut dan sebab-sebab pindaan-pindaan tersebut dicadangkan sekarang.

106. PR-1532-L25343

**Tuan Haji Ahmad Johnie bin Zawawi [ Igan ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan berapakah jumlah pelajar yang masih tidak mempunyai kebolehan asas 3M ( Membaca, Menulis, dan Mengira ) di kawasan Parlimen Igan. Apakah tindakan dan perancangan Kementerian untuk mengatasi masalah ini.

107. PR-1532-L24981

**Datuk Seri Panglima Madius Tangau [ Tuaran ]** minta **MENTERI PERALIHAN TENAGA DAN TRANSFORMASI AIR** menyatakan usaha-usaha bagi mencegah banjir dan hakisan sungai dan tanah di kawasan Parlimen Tuaran. Apakah langkah-langkah bagi memastikan penduduk mempunyai kesedaran dan terlibat dalam penanaman pokok-pokok.

108. PR-1532-L24891

**Datuk Wan Saifulruddin bin Wan Jan [ Tasek Gelugor ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan adakah kerajaan berhasrat memansuhkan Akta Mesin Cetak dan Penerbitan 1984 dan Akta SKMM 1998 (serta Akta Hasutan 1948) selaras perjuangan Pakatan Harapan sejak sekian lama.

109. PR-1532-L24966

**Tuan Afnan Hamimi bin Dato' Haji Taib Azamudden [ Alor Setar ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan komitmen Kerajaan untuk mengkaji dan memansuhkan akta-akta zalim seperti Akta Hasutan 1948 dan Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 yang masih diguna pakai sehingga kini yang dijanjikan dalam Manifesto PRU-15 Pakatan Harapan.

110. PR-1532-L25802

**Datuk Hajah Siti Aminah binti Aching [ Beaufort ]** minta **MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI** menyatakan usaha-usaha yang telah diambil oleh Kementerian bagi memperkasakan golongan OKU dalam mendapatkan peluang pekerjaan dan peluang bantuan perniagaan.

111. PR-1532-L24566

**Tuan Haji Mohd Syahir bin Che Sulaiman [ Bachok ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan usahasama yang berjaya dicapai bersama negara-negara Islam yang lain dalam membangunkan ekonomi Islam secara lebih meluas dan lebih praktikal sebagaimana resolusi 'Global Forum on Islamic Economic and Finance' anjuran Bank Negara Malaysia pada Mei 2024.

112. PR-1532-L25192

**Tuan Chiew Choon Man [ Miri ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan sama ada Kerajaan dapat mempertimbangkan penubuhan satu Majlis Prasekolah Negara, sebagaimana Majlis TVET Negara, dengan tujuan meningkatkan penyelarasan ekosistem kesemua prasekolah di negara ini sebagai usaha untuk meningkatkan mutu pendidikan di negara kita.

113. PR-1532-L25318

**Tuan Lim Lip Eng [ Kepong ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan berapa aduan telah diterima oleh Suruhanjaya Bebas Tatakelakuan Polis (IPCC) sejak IPCC ditubuh dan adakah Kerajaan bercadang menggantikan IPCC dengan Suruhanjaya Bebas Aduan dan Salah Laku Polis (IPCMC).

114. PR-1532-L25560

**Tuan Pang Hok Liong [ Labis ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan usaha Kementerian untuk menyelesaikan masalah kesesakan yang selalunya menyebabkan masalah peselisihan secara komunikasi dan fizikal di laluan pejalan kaki dan kenderaan di CIQ Johor Bahru terutamanya pada waktu puncak dan cuti umum.

115. PR-1532-L25173

**Puan Hajah Salamiah binti Mohd Nor [ Temerloh ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan :

- (a) adakah hasil cukai dan rizab negara meningkat selepas SST diperkenalkan semula; dan
- (b) adakah SST antara penyebab utama kenaikan harga barang secara berterusan.

116. PR-1532-L24958

**Datuk Andi Muhammad Suryady bin Bandy [ Kalabakan ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah usaha yang dilakukan oleh pihak Kerajaan menerusi Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) untuk meningkatkan lagi jumlah dana persaraan para pencarum terutamanya di dalam prospek pelaburan berimpak tinggi bagi mengelakkan para pencarum terjebak di dalam krisis kemiskinan hari tua kelak.

117. PR-1532-L24416

**Tuan Hassan bin Abdul Karim [ Pasir Gudang ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan adakah Kerajaan menyedari bahawa mewujudkan kesalahan yang disebut kesalahan 3R (*Race, Religion and Royalty* iaitu kaum, agama dan Raja) yang tidak wujud di bawah Akta yang bernama sedemikian telah menyekat kebebasan akhbar dan rakyat bersuara seperti dijamin di bawah Perkara 10 Perlembagaan Persekutuan.

118. PR-1532-L25743

**Dato' Muhammad Bakhtiar bin Wan Chik [ Balik Pulau ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan :

- (a) apakah format yang digunakan dalam pelaksanaan subsidi bersasar; dan
- (b) bagaimana Kerajaan dapat menjimatkan kos sekiranya pengguna diesel yang layak menerima BUDI MADANI sebanyak RM200 sebulan seiring dengan pelaksanaan penyasaran subsidi diesel pada realitinya berbelanja sebanyak RM70 sebulan.

119. PR-1532-L24555

**Dr. Ahmad Fakhruddin bin Fakhrurazi [ Kuala Kedah ]** minta **MENTERI PERALIHAN TENAGA DAN TRANSFORMASI AIR** menyatakan pelan konkrit pengurusan perkhidmatan pembentungan dan rawatan kumbahan awam di dalam Parlimen Kuala Kedah selaras dengan pertambahan penduduk domestik.

**PADA PERMULAAN URUSAN MESUARAT**  
**MENGEMUKAKAN RANG UNDANG-UNDANG KERAJAAN**  
**UNTUK BACAAN KALI YANG PERTAMA**

**1. Menteri di Jabatan Perdana Menteri**

- \* Rang Undang-Undang Keterangan Saksi Kanak-Kanak (Pindaan) 2024.

**2. Menteri di Jabatan Perdana Menteri**

- \* Rang Undang-Undang Keterangan (Pindaan) 2024.

**3. Menteri di Jabatan Perdana Menteri**

- \* Rang Undang-Undang Sumpah dan Ikrar (Pindaan) 2024.

**4. Menteri di Jabatan Perdana Menteri**

- \* Rang Undang-Undang Kesalahan-Kesalahan Seksual terhadap Kanak-Kanak (Pindaan) 2024.

**5. Menteri di Jabatan Perdana Menteri**

- \* Rang Undang-Undang Angkatan Tentera (Pindaan) 2024.

**6. Menteri di Jabatan Perdana Menteri**

- \* Rang Undang-Undang Kesalahan Keselamatan (Langkah-Langkah Khas) (Pindaan) 2024.

**7. Menteri di Jabatan Perdana Menteri**

- \* Rang Undang-Undang Kanun Keseksaan (Pindaan) 2024.

**8. Menteri di Jabatan Perdana Menteri**

- \* Rang Undang-Undang Kanun Tatacara Jenayah (Pindaan) 2024.

**9. Menteri Dalam Negeri**

- \* Rang Undang-Undang Agensi Kawalan dan Perlindungan Sempadan Malaysia 2024.

---

\* Menandakan bahawa Rang Undang-undang ini akan dibawa pada semua peringkat di mesuarat ini.

## **ATURAN URUSAN MESYUARAT DAN USUL-USUL**

1. ( D.R.17/2024 ) Rang Undang-Undang Penagih Dadah (Rawatan dan Pemulihan) (Pindaan) 2024 - **Menyambung semula perbahasan atas masalah "Bahawa Rang Undang-Undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang," ( 4 Julai 2024 )**

[ Menteri Dalam Negeri ]

2. **Menteri di Jabatan Perdana Menteri** akan mencadangkan :

"**Menyedari** bahawa Laporan Ketua Audit Negara (LKAN) telah dibentangkan di hadapan Dewan Rakyat pada 4 Julai 2024 seperti berikut:

- i. LKAN 2/2024 mengenai Aktiviti Kementerian/Jabatan Kerajaan Persekutuan dan Badan-Badan Berkanun Persekutuan, yang melaporkan 9 aktiviti melibatkan 11 kementerian di peringkat Persekutuan; dan
- ii. LKAN 2/2024 mengenai Pengurusan Syarikat Kerajaan Persekutuan yang mengandungi hasil pengauditan terhadap 8 syarikat.

**Memahami** bahawa LKAN membangkitkan isu-isu ketakteraturan serius yang berlaku dalam perakaunan atau penjagaan wang awam atau simpanan awam serta pengurusan aktiviti Kerajaan dan syarikat Kerajaan yang memerlukan tindakan berkesan daripada kementerian, jabatan, agensi dan syarikat Kerajaan yang diaudit.

**Memperakui** bahawa pentingnya reformasi tatakelola bagi menangani pembaziran wang awam dan ketirisan serta memastikan perkhidmatan Kerajaan benar-benar membantu rakyat. Kerajaan memandang serius isu yang dibangkitkan dalam LKAN, dan seterusnya mengambil tindakan penambahbaikan dan pencegahan bagi mengelakkan kelemahan yang sama dibangkitkan semula pada masa hadapan.

**Bahawa** LKAN wajar dibahaskan secara terperinci di Dewan Rakyat supaya perhatian dan pengamatan yang mendalam oleh semua pihak dapat diberikan bagi mendukung hasrat Kerajaan mewujudkan tadbir urus sektor awam yang lebih baik selain penelitian hanya di peringkat Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara (PAC). Ia sekaligus dapat memberikan isyarat jelas kepada keseluruhan jentera pentadbiran Kerajaan akan kesungguhan untuk memerangi kecurangan dan salah laku serta memartabatkan tatakelola yang unggul seperti yang disarankan oleh YAB Perdana Menteri. Usaha murni ini juga seiring dengan inisiatif mentransformasikan Dewan Rakyat yang berperanan untuk 'semak dan imbang' kuasa eksekutif."

3. ( D.R.19/2024 ) Rang Undang-Undang Mufti (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 2024. **Bacaan Kali Yang Kedua**

**[ Perdana Menteri ]**

4. ( D.R.18/2024 ) Rang Undang-Undang Pentadbiran Undang-Undang Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) (Pindaan) 2024. “

**[ Perdana Menteri ]**

5. ( D.R.20/2024 ) Rang Undang-Undang Tatacara Mal Mahkamah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) (Pindaan) 2024. “

**[ Perdana Menteri ]**

6. ( D.R.13/2024 ) Rang Undang-Undang Perlembagaan (Pindaan) 2024 - **Menyambung semula perbahasan atas masalah "Bahawa Rang Undang-Undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang," ( 27 Mac 2024 )**

**[ Menteri Dalam Negeri ]**

7. PR-1532-U(27)328

**Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [ Ayer Hitam ]** akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa cukai barang dan perkhidmatan (GST) untuk diperkenalkan semula bagi menjana kembali pendapatan negara dengan lebih baik dengan melaksanakan beberapa penambahbaikan terhadap mekanisme GST itu sendiri.

Kerajaan boleh mempertimbangkan kadar GST yang lebih rendah iaitu daripada 6 peratus kepada 4 peratus yang dilihat lebih munasabah serta tidak membebankan pengguna dan pembayar cukai. Manakala pelaksanaan serta pematuhanya perlu dipermudah dengan kesan minima kepada perniagaan seperti penambahbaikan mekanisme pembayaran semula cukai dapat disegerakan dalam tempoh 14 hari dan Kerajaan perlu melantik auditor bebas dari pihak swasta untuk menyemak rekod bagi memastikan tiada sebarang pelanggaran cukai berlaku.

Sistem percukaian GST yang pernah dilaksanakan negara sebelum ini adalah sistem cukai yang lebih baik berbanding pelaksanaan cukai jualan dan perkhidmatan (SST) dan lambakan cukai yang akan dilaksanakan pada tahun ini, dan seharusnya Kerajaan perlu segera mengambil iktibar dari kesan pemansuhan GST pada 2018 yang telah membebankan rakyat sehingga hari ini.

Malah, dengan pengenalan semula GST ini, maka tidak perlu lagi dilaksanakan sistem e-Invois yang hanya akan menghuru-harakan para peniaga kecil dan sederhana."

**[ Menteri Kewangan ]**

8. PR-1532-U(27)329

**Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [ Ayer Hitam ]** akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan untuk mengeluarkan gula daripada diwartakan di bawah Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011 dalam usaha mengurangkan penyakit diabetes dalam kalangan rakyat Malaysia berbanding langkah Kerajaan memperkenalkan sistem penggredan untuk kandungan gula.

Harga gula di Malaysia kini kekal rendah dan di bawah harga siling adalah disebabkan pemberian insentif oleh Kerajaan sebanyak RM42 juta sebulan kepada semua pengilang gula di negara ini mulai November 2023 dan telah menyebabkan harga gula di Malaysia, yang bukan negara pengeluar gula, antara yang terendah di dunia.

Malah, Malaysia kini juga mempunyai kadar diabetes tertinggi di rantau Pasifik Barat dan antara tertinggi di dunia. Dan, dijangka tujuh juta individu berumur 18 tahun ke atas di Malaysia berpotensi menghidap penyakit kencing manis atau pra-diabetes menjelang tahun 2025.

Kerajaan perlu bertindak sebagaimana yang dilaksanakan oleh Kerajaan Barisan Nasional (BN) pada 2013, yang memmansuhkan subsidi gula dan kerajaan Pakatan Harapan (PH) pada tahun 2019 yang mengenakan cukai ke atas minuman bergula yang secara tidak langsung akan dapat membendung krisis penyakit tidak berjangkit (NCD) di Malaysia dan mampu mengurangkan kos perubatan negara."

**[ Menteri Kewangan ]**

## 9. PR-1532-U(27)330

**Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [ Ayer Hitam ]** akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan untuk meningkat dan memperketatkan kawalan keselamatan serta ketenteraman negara pada tahap tertinggi terutama di lokasi-lokasi sensitif, premis kerajaan, tempat-tempat tumpuan awam dan fasiliti berkepentingan.

Kesemua peringkat kepimpinan pasukan keselamatan negara serta petugas di lapangan perlu mengambil langkah-langkah komprehensif semasa menjalankan tugas dengan mematuhi pekeliling dan mengikut prosedur operasi standard (SOP) yang telah dikeluarkan bagi mengelakkan insiden seperti yang berlaku di Balai Polis Ulu Tiram, Johor kembali berulang dan mengorbankan mereka yang tidak bersalah.

Perhatian dan tindakan serius dari Kerajaan perlu segera diambil bagi menangani kegusaran masyarakat umum mengenai tahap keselamatan dan ketenteraman negara."

**[ Menteri Dalam Negeri ]**

## 10. PR-1532-U(27)331

**Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [ Ayer Hitam ]** akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan untuk memberi komitmen secara menyeluruh dalam usaha mengekalkan 50 peratus litupan hutan di Malaysia susulan laporan "State of the Malaysian Rainforest" oleh pemerhati alam sekitar, RimbaWatch mengenai 3.2 juta hektar hutan semula jadi berisiko ditebang manakala sebanyak 2.4 juta hektar berada dalam ancaman hutan balak iaitu kira-kira sebesar saiz gabungan Johor dan Negeri Sembilan.

Koordinasi oleh kementerian yang bertanggungjawab mesti dilaksanakan secara bersepadan dengan bantuan, sokongan dan kerjasama komuniti saintifik, masyarakat tempatan, agensi-agensi kerajaan tempatan, negeri dan persekutuan, serta pembabitan pihak swasta dan korporat. Dan, Malaysia perlu menjadi teladan kepada dunia dalam usaha memerangi krisis kehilangan sumber kepelbagaiannya biologi dan perubahan iklim."

**[ Menteri Sumber Asli dan Kelestarian Alam ]**

11. PR-1532-U(27)323

**Tuan Wan Ahmad Fayhsal bin Wan Ahmad Kamal [ Machang ]** akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan ini membuat ketetapan untuk mempertimbang dan/atau menarik semula keputusan penjualan sebahagian saham Malaysia Airports Holdings Berhad (MAHB) kepada Global Infrastructure Partners (GIP) milik BlackRock Inc."

**[ Menteri Kewangan ]**

12. PR-1532-U(27)324

**Tuan Wan Ahmad Fayhsal bin Wan Ahmad Kamal [ Machang ]** akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan ini membuat ketetapan untuk menggantikan penggunaan nama Israel kepada Negara Palestin yang diduduki atau *Occupied State of Palestine* bagi merujuk negara haram di bawah Regim Zionis."

**[ Menteri Luar Negeri ]**

13. PR-1532-U(27)325

**Dato' Indera Mohd Shahar bin Abdullah [ Paya Besar ]** akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat menggesa Kerajaan untuk membentangkan laporan kajian menyeluruh untuk memahami punca pelajar tidak menduduki peperiksaan SPM agar tidak terus membarah.

Penerangan ini melibatkan tinjauan, perbincangan kumpulan fokus atau inisiatif penglibatan komuniti untuk mengumpulkan maklumat langsung daripada pelajar yang terjejas dan keluarga mereka.

Seramai 10,160 pelajar yang mendaftar SPM 2023 tidak menduduki peperiksaan tersebut. Daripada 383,685 calon yang baru mendaftar, hanya 373,525 yang hadir dan mengambil sekurang-kurangnya satu mata pelajaran.

Mereka akan menghadapi pilihan pekerjaan yang terhad. Jawatan yang boleh selalunya memerlukan kurang kepakaran dan menawarkan gaji yang lebih rendah, menjadikannya lebih sukar bagi mereka untuk mendapatkan pekerjaan yang berpendapatan tinggi. Akibatnya, memenuhi keperluan asas seperti perumahan, penjagaan kesihatan dan keperluan boleh menjadi cabaran besar bagi mereka seterusnya membawa kepada insiden kemiskinan pada masa hadapan."

**[ Menteri Pendidikan ]**

14. PR-1532-U(27)326

**Dato' Indera Mohd Shahar bin Abdullah [ Paya Besar ]** akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat menggesa Kerajaan untuk mewujudkan dasar keterlibatan yang jelas dan polisi penerimaan makluman bagi memudahkan masyarakat tempatan membuat persediaan awal terhadap kesan limpahan ekonomi melalui pembangunan mega tersebut.

Dasar ini menyokong jalinan libat urus pihak Kerajaan kepada masyarakat setempat bagi meningkatkan kefahaman khusus terhadap potensi limpahan ekonomi untuk setiap lokaliti disamping memberi ruang sokongan peluang pekerjaan kepada bakat tempatan. Pengesahan projek mega seperti contoh Projek Lebuh Raya Pan Borneo, MRT dan ECRL sewajarnya diberi maklum secara khusus seperti contoh program kerjasama jalinan bersama penduduk setempat dari sudut manfaat ekonomi sama ada sebelum, semasa dan selepas pembinaan. Dengan keterlibatan yang menyeluruh ini akan memberi ruang persediaan kepada penduduk setempat menjadi sebahagian dari penyumbang dan pemilik pertumbuhan ekonomi lokaliti.

Adalah menjadi harapan, limpahan atau spill over impak projek pembangunan mega dapat dirasai dan dimanfaatkan sepenuhnya oleh penduduk setempat."

**[ Menteri Ekonomi ]**

15. PR-1532-U(27)327

**Dato' Indera Mohd Shahar bin Abdullah [ Paya Besar ]** akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat menggesa Kerajaan untuk membentangkan kertas putih bagaimana strategi untuk mencapai sasaran 300,000 pekerja tambahan yang terdiri dari 60,000 pekerja jurutera mahir tempatan dalam industri semikonduktor dan mengekalkan Malaysia sebagai salah satu pengeksport utama dunia dengan jumlah RM1.2 trillion nilai eksport menjelang 2030.

Walau bagaimanapun, jumlah pelajar dalam bidang kejuruteraan telah menurun sehingga 18% manakala jumlah jurutera juga turut menurun sehingga 30% semenjak 5 tahun kebelakangan ini. Penurunan ini juga memberi impak berganda dengan perpindahan bakat ke luar negara sebanyak 20% kesan dari peluang pekerjaan yang lebih baik.

Oleh yang demikian, terdapat keperluan pihak Kerajaan dan agensi menerangkan pelan tindakan jalinan kerjasama industri dengan pihak institusi pengajian dan memberi justifikasi untuk membenarkan pelajar luar negara dari bidang kejuruteraan di universiti tempatan untuk bekerja di dalam industri semikonduktor di Malaysia sekurangnya dua atau tiga tahun."

**[ Menteri Pelaburan, Perdagangan dan Industri ]**

16. PR-1532-U(27)332

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim [ Arau ]** akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa supaya Kerajaan segera membina Pangkalan di Beting Patinggi Ali. Sehingga kini tiada langkah tegas yang diambil pihak Kerajaan untuk menghalang pencerobohan kapal China di Beting Patinggi Ali yang terletak dalam kawasan Zon Ekonomi Eksklusif (ZEE) Malaysia. Adalah diharapkan pihak Kerajaan dapat merancang dan melaksanakan mekanisme yang lebih efektif untuk menangani masalah ini setelah nota diplomatik yang dihantar pihak Malaysia seperti tidak dihiraukan bagi memastikan Beting Patinggi Ali menjadi hak Malaysia."

**[ Menteri Pertahanan ]**

17. PR-1532-U(27)333

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim [ Arau ]** akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan supaya menyegerakan pembinaan tembok kekal di sempadan Malaysia - Thailand bagi mengekang kegiatan penyeludupan dan jenayah rentas sempadan di negara ini. Pembinaan dan baik pulih tembok sempadan Malaysia - Thailand perlu agar dapat merangkumi keseluruhan perbatasan dari Perlis hingga Kelantan dan suatu pelan tindakan komprehensif merangkumi semua agensi Kerajaan bagi kawalan sempadan Malaysia - Thailand adalah sangat diperlukan.

Kerajaan Malaysia sebelum ini telah memberikan komitmen untuk membina tembok sempadan tersebut tetapi sehingga terkini masih tiada pelan pembangunan komprehensif dan terperinci yang diumumkan. Mohon pihak kerajaan memandang serius perkara ini dengan menyegerakan pembangunan tembok sempadan Malaysia - Thailand secara menyeluruh dan memastikan suatu pelan komprehensif merangkumi semua agensi Kerajaan bagi kawalan sempadan Malaysia - Thailand agar benar-benar berkesan menjamin keselamatan perbatasan negara."

**[ Menteri Dalam Negeri ]**

18. PR-1532-U(27)334

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim [ Arau ]** akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan supaya membentuk satu pasukan petugas khas bagi memberi perhatian terhadap isu pencerobohan sempadan yang berlaku di Sabah dan Sarawak. Seperti di ketahui, Sabah dan Sarawak pula berkongsi sempadan darat sejauh 2,019.5km dengan Kalimantan, Indonesia. Daratan Negara Brunei Darussalam dibatasi sepenuhnya oleh Sarawak sepanjang 481.3km. Kebanyakan

kawasan perbatasan Malaysia bersama negara-negara jirannya terletak di kawasan perbukitan yang diliputi hutan tebal dan kawasan perairan laut menyebabkan kawalan terhadap kawasan-kawasan ini sulit dilakukan.

Oleh sebab itu, masalah pencerobohan, penyeludupan, pemerdagangan manusia dan perdagangan narkotik adalah antara isu yang saban tahun masih berlaku dan sukar ditumpaskan. Susulan pembangunan Nusantara, ibu negara baharu Indonesia di Kalimantan Timur dan dengan siapnya Lebuhraya Sematan – Telok Melano secara tidak langsungnya meningkatkan risiko pencerobohan sempadan sama ada melalui darat dan laut terutamanya melalui Taman Negara Tanjung Datu. Oleh hal yang demikian, tindakan segera Kerajaan bagi mencari solusi terbaik kepada masalah kawalan sempadan ini adalah amat diharapkan."

#### **[ Menteri Dalam Negeri ]**

19. PR-1532-U(27)335

**Datuk Seri Panglima Madius Tangau [ Tuaran ]** akan mencadangkan :

"Menerima hakikat bahawa sumbangan industri Sabah kepada GDP masih lagi dibawah 10%. Dan Menerima hakikat bahawa kemudahan logistik dan utiliti seperti bekalan air dan bekalan elektrik menjadi penghalang utama kepada pelabur untuk datang ke Sabah. Dan menerima hakikat kerajaan telah menujuhkan Taman-Taman Perindustrian sebagai destinasi pelaburan.

Menerima hakikat juga bahawa begitu ramai anak-anak Sabah yang terpaksa berhijrah ke tempat lain seperti Semenanjung untuk mencari pekerjaan. Dan menerima hakikat pada keseluruhannya, Sabah ini adalah jauh ke belakang dalam pembangunan berbanding dengan belia Semenanjung. Ia termasuklah dalam hal-hal pencapaian peperiksaan awam seperti Sijil Pelajaran Malaysia (SPM).

Dan mengambil tanggungjawab bahawa kesenjangan di antara Semenanjung dan wilayah Sabah ini perlu ditangani segera untuk memastikan integriti negara kita dan juga memastikan kelangsungan kestabilan politik, maka dewan yang mulia ini ditangguh untuk membahaskan perkara yang sangat penting ini bertujuan memastikan agar kesenjangan pembangunan ini dapat dirapatkan."

#### **[ Menteri Pelaburan, Perdagangan dan Industri ]**

20. PR-1532-U(27)336

**Datuk Seri Panglima Madius Tangau [ Tuaran ]** akan mencadangkan :

"Menerima hakikat kos sara hidup meningkat, serta kos bahan api (minyak) pengangkutan menaik. Menerima hakikat kesesakan jalan raya semakin bertambah di Sabah. Dan menerima hakikat juga sistem pengangkutan awam di Sabah masih mahal.

Maka (Tuaran) meminta kerajaan supaya mengadakan pelan tindakan untuk meningkatkan sistem pengangkutan awam yang selamat, efisien, berdaya harap dengan kos yang tidak membebankan di Sabah."

**[ Menteri Pengangkutan ]**

21. PR-1532-U(27)337

**Datuk Seri Panglima Madius Tangau [ Tuaran ]** akan mencadangkan :

"Menerima hakikat bahawa hal air di Semenanjung adalah di bawah Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN), yang menerima peruntukan secara langsung daripada Kerajaan Persekutuan. Menerima hakikat bahawa Sabah tidak menerima peruntukan bekalan air dari Persekutuan dengan alasan bahawa Sabah tidak termasuk dalam SPAN.

Menerima hakikat bahawa "Reserve Margin" bekalan air di Sabah adalah dibawah paras negatif. Dan menerima hakikat purata non revenue water di Sabah adalah atas 60%, dan hal ehwal air ini adalah hal negeri di bawah kelolaan Kerajaan Sabah. Dan menerima hakikat juga bahawa langkah-langkah untuk menurunkan NRW dan meningkatkan kapasiti loji-loji rawatan adalah melalui pinjaman daripada Kerajaan Persekutuan.

Maka, (Tuaran) mencadangkan Kerajaan Persekutuan mengambil langkah drastik bagi membantu Kerajaan Sabah untuk menangani masalah bekalan air di Sabah secara tuntas dengan memberi peruntukan secara geran yang mencukupi."

**[ Menteri Peralihan Tenaga dan Transformasi Air ]**

22. PR-1532-U(27)338

**Datuk Seri Panglima Madius Tangau [ Tuaran ]** akan mencadangkan :

"Menerima hakikat bahawa perkahwinan di antara orang tempatan dengan Pendatang Asing Tanpa Izin (PATI) yang tidak mempunyai dokumen berleluasa di Sabah. Dan menerima hakikat bahawa perkahwinan ini telah menyebabkan kelahiran anak-anak yang tidak mempunyai dokumen yang akhirnya menjadi "*stateless*".

Menyedari hakikat bahawa golongan "*stateless*" ini tidak dapat memasuki sistem pendidikan menyebabkan mereka membesar tanpa pendidikan. Menerima hakikat bahawa ini menjadi bebanan kepada rakyat Sabah dan Kerajaan.

Maka (Tuaran) meminta pihak Kerajaan Persekutuan mengadakan pelan tindakan untuk mengatasi masalah ini sehingga mempunyai penyelesaian tuntas."

**[ Menteri Dalam Negeri ]**

**RISALAT-RISALAT YANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT  
(DEWAN RAKYAT)**

<b><u>TAHUN 2024</u></b>	<b><u>RISALAT/DOKUMEN</u></b>	<b><u>TARIKH DIBENTANGKAN</u></b>
ST. 96	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Dewan Bahasa dan Pustaka Bagi Tahun 2022	9 Julai 2024
ST. 102	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Bank Negara Malaysia Bagi Tahun 2023	9 Julai 2024
ST. 103	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Lembaga Penilai, Pentaksir, Ejen Harta Tanah dan Pengurus Harta Bagi Tahun 2021	9 Julai 2024
ST. 106	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan) Bagi Tahun 2022	9 Julai 2024

**\*\*UCAPAN-UCAPAN**  
**( PERATURAN MESYUARAT 17 )**  
**( KAMAR KHAS )**

Ahli Yang Berucap	Tajuk Ucapan	Menteri Yang Bertanggungjawab
YB Tuan Syahredzan bin Johan (Bangi)	1. Mengimbangi Kebebasan dan Sekatan Bersuara melalui Pindaan Akta Komunikasi dan Multimedia 1998  2. Ombudsman Motor untuk Memastikan Keberkesanan ' <i>Lemon Law</i> '	1. YB Menteri Komunikasi  2. YB Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup
YB Tuan Syed Saddiq bin Syed Abdul Rahman (Muar)	3. Tender bagi Pembinaan Hospital Pakar Sultanah Fatimah Muar	3. YB Menteri Kesihatan

**\*\* Ucapan Di Bawah Usul Berkenaan Perkara Tadbir Kerajaan (Peraturan Mesyuarat 17)**